

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **DH29, DH31/32, DH33/34, DH39/40,
DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH29

- (c) (i) diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,698.00);
atau

- (ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,770.95);
atau

- (iii) diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,844.44);
atau

- (iv) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,844.44);
atau

- (v) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,917.94).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH41

- (d) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,289.73); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau
- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dengan pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau
- (v) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau
- (vi) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau
- (vii) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau
- (viii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau

- (ix) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,596.35);
atau
- (x) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,698.56);
atau
- (xi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,800.77);
atau
- (xii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,902.98);
atau
- (xiii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,005.19);
atau
- (xiv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,005.19);
atau
- (xv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan berserta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40);
atau
- (xvi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40);
atau

- (xvii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,209.60); atau
- (xviii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,800.77); atau
- (xix) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,902.98); atau
- (xx) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,107.40); atau
- (xxi) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,209.60).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE
GRED DH31, DH33 ATAU DH39**

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN
GRED DH31, DH33 ATAU DH39
TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN**

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) dan 1(d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH31, DH33 atau DH39 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(c) dan 2;
 - (b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan
 - (c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
4. Calon-calun yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH31: RM2,848.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH33: RM3,521.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH39: RM4,992.00).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN
GRED DH31, DH33 ATAU DH39
BERSERTA IKHTISAS
PENDIDIKAN**

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE
GRED DH43, DH47, DH51, DH53**

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN
GRED DH43, DH47, DH51 ATAU
DH53 TANPA IKHTISAS
PENDIDIKAN**

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN
GRED DH43, DH47, DH51 ATAU
DH53 BERSERTA IKHTISAS
PENDIDIKAN**

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

TEMPOH PERCUBAAN

LATIHAN

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

5. Calon-calun yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:
(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH31: RM2,957.49/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH33: RM3,631.55/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH39: RM5,160.75).
6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH43, DH47, DH51 atau DH53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(d) dan 2;
 - (b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan
 - (c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.
7. Calon-calun yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:
(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH43: RM3,559.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,125.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH51: RM5,756.00/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH53: RM6,080.00).
8. Calon-calun yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:
(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH43: RM3,728.10/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,353.22/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH51: RM5,974.60/
Gaji permulaan lantikan pada Gred DH53: RM6,309.00).
9. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
10. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
11. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
12. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

13. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

14. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

15. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH32

16. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH32 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH34

17. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH31/32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH34 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH40

18. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH33/34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH40 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH42

19. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29, DH31/32, DH33/34 dan DH39/40 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH42 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) memiliki kelayakan di perenggan 1(d);
- (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DH44**

20. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DH48**

21. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DH52**

22. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DH54**

23. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

24. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007).